

Skim pencen pekerja swasta 2011

Berita Harian 15/05/2010 M/S 2

Caruman KWSP tak cukup tampung kehidupan selepas bersara: Subramaniam

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Ki-
ra-kira 11 juta indi-
vidu pekerja swasta
dan persendirian dijangka
menikmati skim pencen mula-
pertengahan tahun depan
bagi membolehkan mereka
mempunyai saraan hari tua.

Menteri Sumber Manusia,
Datuk Dr S Subramaniam, ber-
kata Pertubuhan Keselamatan
Sosial Malaysia (Perkeso) se-
dang merangka skim pencen
itu, mirip skim pencen sektor
awam, terutama bagi golongan
berpendapatan rendah.

"Kajian mendapati jangka
hayat rakyat Malaysia kini se-
makin meningkat, sehingga
menyebabkan ramai warga

tua yang memasuki kategori
miskin tegar selepas meng-
habiskan wang simpanan tua
mereka dalam Kumpulan
Wang Simpanan Pekerja
(KWSP).

"Malah, ada banyak kes
ibu bapa tidak mendapat
pembelaan sewajarnya dari-
pada anak mereka kerana

**“Golongan miskin ini
memerlukan
jaringan
keselamatan sosial
mirip kepada skim
pencen sektor
awam”**

Dr S Subramaniam
Menteri Sumber Manusia

keadaan sosioekonomi yang
sudah berubah dan terpaksa
mencari perlindungan di ru-
mah orang tua.

"Golongan miskin ini me-
merlukan jaringan kesela-
matan sosial mirip kepada
skim pencen sektor awam.
Jadi, kerajaan memutuskan
sudah tiba masanya pekerja
swasta dan persendirian tu-
rut mempunyai skim pencen
apabila bersara," katanya
pada sidang media selepas
merasmikan majlis penyam-
paian sijil program latihan
kemahiran anjuran Wanita
MIC di sini, semalam.

Subramaniam berkata, ca-
ruman KWSP sebahagian bes-
ar pekerja biasa atau ber-
pendapatan sederhana tidak
mencukupi untuk menam-

pung kehidupan mereka se-
lepas bersara.

"Bagaimanapun, untuk
melaksanakan skim pencen
swasta itu kita perlu meminda
akta berkaitan dan kaji
kadar sumbangan Perkeso
yang setimpal bagi membo-
lehkan penerimaan pencen
munasabah mengikut keper-
luan semasa. Saya jangka sa-
tu kerangka asas dapat di-
siapkan pada pertengahan
tahun depan untuk pertim-
bangan kerajaan.

"Selain itu, kementerian
saya juga sedang menyelaras
skim bantuan khusus bagi
mereka yang diberhentikan
kerja," katanya.

Dr Subramaniam berkata,
potongan 2.25 peratus daripa-
da gaji, termasuk 0.5 peratus

sumbangan pekerja sekarang,
adalah untuk skim insurans
yang hanya dibayar apabila
seseorang hilang upaya kekal.

Jelas beliau, individu be-
kerja sendiri pula tidak mem-
punyai skop masa bekerja
yang khusus manakala lokasi
tempat kerja mereka sukar di-
tentukan, sekali gus memer-
lukan rumusan lebih terper-
inci sebelum skim pencen ber-
sesuaian dapat dilaksanakan.

Katanya, modul yang di-
guna pakai negara Scandi-
navia, di mana seseorang pe-
kerja menyumbang 30 hingga
40 peratus daripada gaji bu-
lanan untuk skim pencen di-
dapati tidak sesuai diguna-
kan di negara ini kerana per-
bezaan tangga gaji dan faktor
sosioekonomi.